

Oleh Nas Norziela Nasbah  
nasnorziela@  
bharian.com.my

► Kuala Lumpur

# UPM cemerlang SUKIPT

» Menundukkan 101 kontinjen IPT



Sepereti dijangka, Universiti Putra Malaysia (UPM) yang memiliki ramai atlet kebangsaan, berjaya membuktikan keunggulan mereka dalam bidang sukan apabila diumumkan sebagai juara keseluruhan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) yang berakhir Ahad lalu.

Dengan jumlah pungutan pingat 52 emas, 5 perak dan 22 gangsa, UPM berjaya mengetepikan Universiti Teknologi MARA (UiTM) di tempat kedua dengan jumlah pingat 39 emas, 23 perak dan 44 gangsa.

Manakala tempat ketiga diraih Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dengan 17 emas, satu perak dan lima gangsa.

Majlis penutup SUKIPT 2012 disempurnakan oleh Timbalan Menteri Penganjuran Tinggi, Datuk Saifuddin Abdullah dan dihadiri kira-kira 5,000 tetamu termasuk atlet serta pegawai sukan daripada 101 kontinjen mewakili IPT masing-masing.

## Kejayaan besar

Meskipun memegang status

sebagai universiti atlet, kontinjen UPM pada awalnya jauh ketinggalan ditinggalkan oleh kontinjen UiTM dengan jumlah pungutan 17 emas berbanding kontinjen itu

yang memungut dua pingat emas dalam fasa pertama.

Ketua Kontinjen UPM, Hamzah Ismail berkata, permulaan yang nampak suram dengan jumlah pingat

emas sedikit bagaimanapun tidak berpanjangan apabila kejayaan besar di beberapa acara membangkitkan semangat UPM yang menyasarkan 40 emas dalam

temasya SUKIPT.

"Menerusi kejayaan besar di akuatik dengan 15 pingat emas, manakala karate yang mencatat sembilan pingat emas serta olahraga, 14 emas,

kontinjen UPM bangkit dan berjaya mendahului UiTM.

"Kejayaan ini cukup membanggakan dan apa yang penting semua atlet, pegawai dan jurulatih telah berjuang berhabis-habisan untuk membuktikan keupayaan kami dalam melahirkan atlet berkualiti," katanya dalam majlis penutup SUKIPT yang diadakan di Dewan Agong Tuanku Canselor (DATC), UiTM Shah Alam.

## Persaingan sengit

Sementara itu, Saifuddin ketika berucap, menyifatkan SUKIPT yang berlangsung selama 15 hari itu berjaya dengan purata pungutan pingat keseluruhan menunjukkan persaingan sengit dalam setiap acara yang dipertandingkan.

"Kejayaan edisi sulung SUKIPT membuktikan kejohanan ini menjadi medan yang cukup kompetitif bagi atlet yang menuntut di IPT selain menjalinkan perkongsian ilmu dalam bidang sukan.

"Kejohanan ini adalah program di bawah Pusat Kecemerlangan Sukan (PKS) dan Pusat Sukan Tumpuan (PST). Tidak hanya dilihat dalam aspek kecemerlangan sukan tetapi juga menjadi satu medium jaringan ilmu yang luas untuk setiap IPT menjalin hubungan antara IPTA, IPTS, Politeknik dan Kolej Komuniti," katanya.